

11 JUL, 2023

Pasar Tamu Sentral Sarikei wajar dinaik taraf



Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Pasar Tamu Sentral Sarikei wajar dinaik taraf

Permohonan untuk menaik taraf Pasar Tamu Sentral Sarikei telah mendapat respons positif daripada pihak FAMA

Oleh Kepu Sidi

SARIKEI: Permohonan untuk menaik taraf Pasar Tamu Sentral Sarikei telah mendapat respons positif daripada pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Jurucakap Majlis Daerah Sarikei (MDS) berkata, usaha menaik taraf pasar tamu itu merupakan permohonan daripada Ahli Parlimen Sarikei Dato Sri Huang Tiong Sii yang diajukan kepada pihak MDS baru-baru ini.

Berdasarkan permohonan tersebut, Huang yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Repok telah menerima aduan daripada komuniti peniaga yang menjadikan lokasi ini sebagai tempat utama mencari rezeki yang mengatakan pasar tamu ini agak sesak terutama pada hujung minggu.

“Beberapa kemudahan yang terdapat di pasar tamu ini juga telah uzur dan memerlukan usaha untuk dinaik taraf untuk keselesaan para peniaga dan masyarakat yang berkunjung ke lokasi ini.

“Atas perkara tersebut, pihak MDS turut memohon pihak FAMA membantu pihak kita menaik taraf pasar sedia ada dan menambah ruang perniagaan untuk kemudahan dan keselesaan penjaja dan pengunjung,” katanya kepada media di sini, kelmarin.

Menurutnya, permohonan tersebut telah mendapat maklum balas positif daripada pihak FAMA.

Justeru katanya, pada Khamis lepas pihak FAMA yang diketuai Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Institusi Pemasaran (PIP) Isa Hamzah telah mengadakan lawatan penilaian cadangan

menaik taraf Pasar Tamu Sentral Sarikei.

“Secara amnya, program menaik taraf pasar tamu ini

ialah bertujuan membantu Kerajaan Sarawak menaik

taraf pasar tamu yang didapati telah lama dan usang.

“Segala pelan dan peruntukan untuk kerja-kerja menaik taraf pasar tamu ini nanti akan ditanggung oleh

kerajaan persekutuan serta dipantau oleh pihak FAMA. “Sehubungan itu, kita ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak FAMA atas keprihatian ini dan kita berharap ia dapat menyelesaikan masalah yang membekalkan komuniti peniaga di lokasi ini,” ujarnya.

Turut hadir pada lawatan

tersebut ialah Pengarah FAMA Sarawak Ramli Mat Sani, Pengarah Cawangan Kompleks Pemasaran FAMA Muhd Nor Badlishah Ahmad Shahrin, Jurutera Kanan FAMA Zaidi Elias, Pengurus MDS Wong Zee Yeng, Setiausaha MDS Sait Enggang serta ahli-ahli MDS yang lain.

“Berdasarkan permohonan tersebut, Huang yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Repok telah menerima aduan daripada komuniti peniaga yang menjadikan lokasi ini sebagai tempat utama mencari rezeki yang mengatakan pasar tamu ini agak sesak terutama pada hujung minggu.”

Jurucakap MDS



TINJAUAN: Pihak FAMA dan MDS melakukan lawatan penilaian cadangan menaik taraf Pasar Tamu Sentral Sarikei baru-baru ini.



11 JUL, 2023

Pasar Tamu Sentral Sarikei wajar dinaik taraf

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Permohonan untuk menaiktaraf PasarTamu Sentral Sarikei telah mendapat respons positif daripada pihak FAMA

SARIKEI: Permohonan untuk menaik taraf Pasar Tamu Sentral Sarikei telah mendapat respons positif daripada pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).